BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Sorotan Bulanan
## Januari 2018

## Inflasi menurun pada bulan Januari 2018

Sumbangan kepada Inflasi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.7% pada bulan Januari disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 5.7% (Disember 2017: 11.5%).
  - Meskipun harga purata petrol RON95 tinggi sedikit pada RM2.28 seliter pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: RM2.27 seliter), harga asas RON95 yang lebih tinggi pada bulan Januari 2017 (RM2.10 seliter) berbanding dengan bulan Disember 2016 (RM 1.90 seliter) menyebabkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan*.
- Inflasi makanan juga lebih rendah pada 3.8% (Disember: 4.1%) mencerminkan penurunan inflasi kategori *ikan dan makanan laut*.

## Lebihan akaun semasa lebih tinggi pada S4 2017

Baki Akaun Semasa Malaysia




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Lebihan akaun semasa meningkat, mencerminkan lebihan barangan yang lebih besar dan defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil.
- Pada masa hadapan, lebihan akaun semasa dijangka terus kukuh, disokong terutamanya oleh akaun barangan.

## Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat




[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pembiayaan bersih[1] meningkat 7.2% pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: 6.9%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih terus meningkat pada kadar dua angka iaitu sebanyak 16.6% (Disember 2017: 15.4%). Pinjaman terkumpul sistem perbankan juga naik sedikit kepada 4.2% (Disember 2017: 4.1%).
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 2.0% pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: 1.8%). Ini didorong terutamanya oleh sektor *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*; *harta tanah*; *pembinaan*; dan *pertanian utama*.

# Sorotan Bulanan
## Januari 2018

## Permodalan sistem perbankan terus kukuh

Nisbah Kecukupan Modal




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM140 bilion pada bulan Januari 2018.

- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada modal penyerap kerugian berkualiti tinggi dalam bentuk Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (iaitu ekuiti, perolehan tertahan dan rizab).

## Pasaran kewangan menarik aliran masuk bukan pemastautin di tengah-tengah sentimen yang positif

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Mengikut Instrumen




Nota: Bon Kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Pada bulan Januari, pasaran kewangan domestik disokong oleh sentimen positif, susulan prospek ekonomi Malaysia yang kukuh dan harga minyak dunia yang lebih tinggi.

- Hasilnya, pasaran MGS dan ekuiti menarik aliran masuk bukan pemastautin masing-masing sebanyak RM4.2 bilion dan RM3.4 bilion.

- Berikutan aliran masuk ini, ringgit menambah nilai sebanyak 4.3% berbanding dengan dolar AS, manakala dan FBM KLCI meningkat 4.0% pada bulan Januari.

- Dalam pasaran bon, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun meningkat 5 mata asas setiap satu. Ini berikutan kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas. Kesan kenaikan OPR terhadap kadar hasil MGS telah diimbangi oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran MGS.

- Jumlah swap pertukaran asing meningkat sebanyak USD11.3 bilion kepada USD112.1 bilion, terutamanya hasil daripada aktiviti perlindungan nilai pelaburan portfolio bukan pemastautin. Keadaan mudah tunai dalam dolar bertambah baik disebabkan aliran masuk yang lebih tinggi pada bulan Januari. Hal ini menyebabkan kos pendanaan dolar tersirat 1 bulan menerusi swap pertukaran asing menjadi lebih rendah pada 1.76% pada akhir bulan Januari (akhir Disember: 2.16%). Selain itu, mata swap bagi USD/MYR 1 bulan purata naik 14 mata kepada 50 mata pada bulan itu dengan mengambil kira kenaikan OPR.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**Ref. No.: 02/18/09**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Rabu, 28 Februari 2018**

## SOROTAN BULANAN – JANUARI 2018

### Inflasi menurun pada bulan Januari 2018

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.7% pada bulan Januari disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 5.7% (Disember 2017: 11.5%).
  - Meskipun harga purata petrol RON95 tinggi sedikit pada RM2.28 seliter pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: RM2.27 seliter), harga asas RON95 yang lebih tinggi pada bulan Januari 2017 (RM2.10 seliter) berbanding dengan bulan Disember 2016 (RM 1.90 seliter) menyebabkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan*.
- Inflasi makanan juga lebih rendah pada 3.8% (Disember: 4.1%) mencerminkan penurunan inflasi kategori *ikan dan makanan laut*.

### Lebihan akaun semasa lebih tinggi pada S4 2017

- Lebihan akaun semasa meningkat, mencerminkan lebihan barangan yang lebih besar dan defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil.
- Pada masa hadapan, lebihan akaun semasa dijangka terus kukuh, disokong terutamanya oleh akaun barangan.

### Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[1] meningkat 7.2% pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: 6.9%). Terbitan bon korporat terkumpul bersih terus meningkat pada kadar dua angka iaitu sebanyak 16.6%

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat.

(Disember 2017: 15.4%). Pinjaman terkumpul sistem perbankan juga naik sedikit kepada 4.2% (Disember 2017: 4.1%).

- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 2.0% pada bulan Januari 2018 (Disember 2017: 1.8%). Ini didorong terutamanya oleh sektor *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*; *harta tanah*; *pembinaan*; dan *pertanian utama*.

**Permodalan sistem perbankan terus kukuh**

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM140 bilion pada bulan Januari 2018.
- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada modal penyerap kerugian berkualiti tinggi dalam bentuk Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (iaitu ekuiti, perolehan tertahan dan rizab).

**Pasaran kewangan menarik aliran masuk bukan pemastautin di tengah-tengah sentimen yang positif**

- Pada bulan Januari, pasaran kewangan domestik disokong oleh sentimen positif, susulan prospek ekonomi Malaysia yang kukuh dan harga minyak dunia yang lebih tinggi.
- Hasilnya, pasaran MGS dan ekuiti menarik aliran masuk bukan pemastautin masing-masing sebanyak RM4.2 bilion dan RM3.4 bilion.
- Berikutan aliran masuk ini, ringgit menambah nilai sebanyak 4.3% berbanding dengan dolar AS, manakala dan FBM KLCI meningkat 4.0% pada bulan Januari.
- Dalam pasaran bon, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun meningkat 5 mata asas setiap satu. Ini berikutan kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas. Kesan kenaikan OPR terhadap kadar hasil MGS telah diimbangi oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran MGS.
- Jumlah swap pertukaran asing meningkat sebanyak USD11.3 bilion kepada USD112.1 bilion, terutamanya hasil daripada aktiviti perlindungan nilai pelaburan portfolio bukan pemastautin. Keadaan mudah tunai dalam dolar bertambah baik disebabkan aliran masuk yang lebih tinggi pada bulan

Januari. Hal ini menyebabkan kos pendanaan dolar tersirat 1 bulan menerusi swap pertukaran asing menjadi lebih rendah pada 1.76% pada akhir bulan Januari (akhir Disember: 2.16%). Selain itu, mata swap bagi USD/MYR 1 bulan purata naik 14 mata kepada 50 mata pada bulan itu dengan mengambil kira kenaikan OPR.

**Bank Negara Malaysia**
**28 Februari 2018**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my